

Cadangan Mahathir pada kelima negara Asean:

# Bergabung dalam industri minyak!

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mencadangkan kelima negara Asean bergabung dalam industri minyak, yang antaranya mengeluarkan alat pembinaan pelantar minyak bagi menyaingi pengusaha barat yang telah lama menguasai bidang tersebut di rantau ini.

Bellau menegaskan, Malaysia atau negara Asean lain, secara perseorangan, tidak mampu mengendalikan industri jenis berat ini yang memerlukan modal besar dan kepakaran.

Menurut bellau, jika negara-negara Asean menyertai industri ini secara perseorangan, "hasilnya tidak akan menjadi kudis kepada gergasi-gergasi minyak barat."

Tetapi, tegas bellau, jika kelima negara Asean bergabung dalam industri ini, hasilnya bukan sahaja akan berjaya, tetapi juga dapat bersaing dengan pengusaha barat.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dituntut selepas melawat K.D. Malaya di Woodlands, pagi tadi, berkata, industri ini perlu diadakan di rantau Asean, bukan sahaja ke-

rasa Malaysia dan Indonesia mempunyai telaga minyak dan memerlukan alat-alat ini, tetapi ia boleh juga dieksploit sebagai sumber pendapatan negara-negara Asean.

Malaysia dan Singapura, tegas bellau lagi, telah menubuhkan industri ini dalam Syarikat Promet Pte Ltd.

Tapak pembinaan kilang ini telah diperolehi di kawasan 250 ekar, di Teluk Rumania, Johor.

Menurutnya tanah ini telah diberi secara dasar oleh Kerajaan Johor dan kilang ini akan berharga \$50 juta hingga \$200 juta

Hasilnya bukan sahaja akan berjaya, tetapi juga dapat bersaing dengan pengusaha barat.

**JOHOR BARU, SABTU**

dalam masa empat tahun pembinaannya. Singapura memiliki 45 peratus saham syarikat

ini dan bakiannya akan diambil oleh Malaysia dan negara-negara Asean lain yang berminat



● Datuk Seri Dr. Mahathir menyertainya.

Katanya, penyertian Thailand, Indonesia dan Filipina dialu-alukan.

Sementara itu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyaingi kawakan menyatakan kapal-kapal Teniera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan kapal dari syarikat-syarikat perkongsian Malaysia, tidak dihantar untuk dibina di Limbungan Perkapalan Malaysia (MSE), di Pasir Gudang.

Dakwaan ini, tegas bellau, tidak benar, walaupun ada di antara kapal-kapal Malaysia dihantar untuk dibina di negara lain, antaranya Singapura.

Ini terjadi, bukan bererti MSE dibahakan tetapi kerana ketika itu kemampuan MSE kurang.

Jadi, terpaksa lah dihantar ke limbungan luar negeri untuk dibina bagi menyelamatkan masa dan wang.

Kini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, keadaan telah berubah. MSE keupayaannya dari segi kemudahan dan kepakaran telah ditambah.

Menurut bellau, adalah menjadi dasar kerajaan, mengutamakan limbungan kapalinya sendiri.

No. Siri 2068  
No. Penerbitan 12/85